

#### **4) TANAH TERBIAR**

**Adun : Y.B. Tuan Syed Ahmad Bin Abdul Rahman Alhadad (Lembah Jaya)**

**Kategori : Bertulis**

**Sesi : 1 (2025)**

Sub soalan :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah projek Rumah Selangorku di tanah-tanah terbiar, khususnya di kawasan Tasik Tambahan, Ampang?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa komited dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat Selangor. Di bawah program pemilikan Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri, melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 3.0) berkuat kuasa 03 Januari 2023 bagi menggalakkan pihak pemaju/ pemilik tanah membangunkan projek perumahan mampu milik.

Melalui dasar tersebut, pihak pemaju/ pemilik tanah dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan mengikut zon/ kawasan pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Lembah Jaya, khususnya di Tasik Tambahan, Ampang adalah terletak di dalam Zon 2 pembangunan. Syarat yang dikenakan bagi tapak pembangunan di zon tersebut ialah 5 ekar hingga 10 ekar 20% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 40% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 adalah bermula dari RM114,750.00 hingga RM250,000.00 seunit, dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi yang terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju/ pemilik tanah, adalah menjadi keutamaan/ tanggungjawab pihak LPHS untuk memastikan komposisi/ syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan kepada Dasar Rumah Selangorku 3.0. Ini bagi memastikan pembinaan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.